



Mohamed Khaled melihat pameran teknologi penternakan ketam nipah pada Program Semarak Komuniti Kota Tinggi bersama UMT di Kota Tinggi, semalam. (Foto BERNAMA)

KPM diminta beri unjuran sebenar guru diperlukan

BH/29.05.23 / M/S 3

Maklumat lengkap amat penting atasi lambakan graduan bidang pendidikan

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kota Tinggi: Menteri Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin meminta Kementerian Pendidikan (KPM) memberikan maklumat unjuran jumlah sebenar guru yang diperlukan bagi mengelak lambakan graduan bidang pengajian itu.

Katanya, amat penting bagi KPT mengetahui unjuran berkenaan dan maklumat lengkap berkait jumlah itu hanya boleh diberikan oleh KPM.

“Adalah sangat penting untuk kita tahu unjuran yang hanya boleh diberikan kepada kita oleh KPM,” katanya pada sidang media selepas Program Semarak Komuniti Kota Tinggi bersama Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Sekolah Kebangsaan Sedili Besar, di sini, semalam.

Kelmarin, BH melaporkan wujud kebimbangan terhadap peningkatan pengangsuran graduan pendidikan susulan kecenderungan universiti awam dan

swasta membuat pengambilan pelajar program itu berdasarkan kemampuan sendiri sehingga penawaran melebihi permintaan.

Laporan BH memetik Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NU-TP), Aminuddin Awang, berkata kecenderungan institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta menawarkan pengajian pendididkan untuk melahirkan graduan perguruan tanpa unjuran keperluan daripada KPM menyumbang kepada pengangsuran graduan bidang terbabit.

4,390 graduan pendidikan

Difahamkan, 4,390 lepasan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) menamatkan pengajian antara 2011 hingga 2020, namun sebahagian dilaporkan masih tidak mendapat panggilan temu duga penempatan di sekolah, sebilangan kecil pula terpaksa pilih pekerjaan lain yang tidak memerlukan kelayakan akademik.

Susulan itu, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek dalam reaksinya, berkata KPM sentiasa bekerjasama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) untuk memastikan unjuran keperluan dan penempatan guru bertepatan dengan permintaan sekolah bawah kendalian KPM.

Katanya, latihan menjadi pendidik di negara ini tidak terhad di Institut Perguruan Guru (IPG) bawah KPM sahaja dan beliau mengakui, guru antara sektor pe-

kerjaan paling mendapat permintaan tinggi dan ramai juga lulusan pendidikan dilahirkan IPT awam serta swasta.

Fadhlina menambah, KPM membuat unjuran jumlah guru diperlukan pada setiap tahun dan membabitkan semua IPT yang menawarkan pengajian pendidikan, sedaya upaya memastikan unjuran itu selari dengan jumlah kekosongan semasa.

Mengulas lanjut, Mohamed Khaled yang juga Ahli Parlimen Kota Tinggi, berkata KPT akan bekerjasama rapat dengan KPM dalam isu terbabit dan menjelaskan, keperluan terhadap khidmat guru bukan saja untuk sektor kerajaan atau sekolah bawah KPM, tetapi juga sektor swasta.

“Memanglah hasrat kita untuk bekerjasama lebih rapat dengan KPM supaya isu ini boleh dikurangkan. Soalnya sekarang, dengan mungkin ramainya yang ambil kursus perguruan, kita perlu lihat bahawa khidmat guru bukan sahaja diletakkan di bawah kerajaan.

“Mereka boleh juga diletakkan dalam sektor (sekolah) swasta atau jadi guru di luar negara,” katanya menambah KPT juga memberi tumpuan kepada usaha melahirkan guru untuk Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

“Saya sangat beritahu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) supaya beri tumpuan kepada usaha mengeluarkan guru untuk bidang TVET,” katanya.